

23/07/1999

Pertemuan dengan pelajar Melayu

Syuhada Choo Abdullah

GABUNGAN Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) memulakan program 'turun padang' untuk bertemu dan mengadakan perbincangan dari hati ke hati dengan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara, bermula kelmarin.

Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata pertemuan itu bertujuan memupuk kesedaran di kalangan pelajar Melayu supaya menumpukan sepenuh perhatian dan usaha bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajian sekali gus menjadi golongan berjaya yang bersyukur.

Selain itu, katanya, pelajar terbabit juga akan diberi penjelasan supaya mereka tidak terperangkap dengan dakwah dan propaganda sehingga menjadi alat pihak tertentu untuk merosakkan sistem negara yang sedia ada.

Katanya, perjumpaan itu adalah program fasa kedua selepas GPMS mengadakan pertemuan yang sama dengan pemimpin pelajar di semua IPTA dalam fasa pertama, tahun lalu.

Dalam program fasa kedua yang turut merangkumi Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) kali ini, beliau berkata, GPMS akan mengadakan perjumpaan dengan semua peringkat pelajar Melayu.

Menurutnya, GPMS memang mengadakan perjumpaan dengan pemimpin dan wakil pelajar saja dalam program sebelum ini tetapi mendapati ada perkara yang tidak dapat disampaikan ke peringkat bawah kepada keseluruhan pelajar.

"Perjumpaan itu akan diadakan dalam kumpulan kecil secara bersiri serta berperingkat di IPTA seluruh negara. Pertemuan berkenaan dibuat dari hati ke hati supaya semua pihak terbabit lebih menjiwai perkara dibincangkan," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Akhbar pada Rabu lalu melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dukacita dengan jurang perbezaan akademik pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera yang boleh menimbulkan perasaan iri hati dan juga menjejaskan kestabilan politik.

Menurut Dr Mahathir, kemampuan pelajar Bumiputera sebenarnya setanding kaum lain tetapi akibat dipengaruhi pihak tertentu, mereka tidak memberi tumpuan terhadap pelajaran, sebaliknya terbabit dalam pelbagai kegiatan, termasuk politik.

Mengulas lebih lanjut, Suhaimi berkata, GPMS mendapati pelajar Melayu memandang ringan terhadap kepentingan usaha untuk memperoleh pencapaian cemerlang dalam akademik, sebaliknya mudah berpuas hati dengan sekadar mendapat kelulusan 'cukup makan'.

Selain itu, katanya, mereka juga tidak cenderung untuk mengikuti bidang pengajian yang mencabar atau sukar kerana akan terpaksa berdepan dengan risiko memperoleh kegagalan dan menghadapi persaingan lebih sengit.

"Tambahan pula, pelajar Melayu suka kepada perkara remeh-temeh seperti cerita yang sensasi atau kontroversi sehingga menyebabkan tumpuan mereka beralih daripada pelajaran, terutama apabila sudah ada pengaruh Internet kini.

"Mereka lebih suka memberikan perhatian terhadap isu yang tiada kaitan dengan pelajaran dan akhirnya menjadikan kesibukan dalam aktiviti sebagai alasan kegagalan dalam akademik.

"Keadaan sedemikian adalah tidak wajar berlaku. Pelajar harus mempunyai keseimbangan kerana tidak bermakna jika mereka sekadar mengasah bakat kepimpinan tetapi pencapaian akademik tidak membanggakan," katanya.

(END)